

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	10/01/2018

Usaha tubuh RCI terencat jika Tun M jadi PM

BH - 10/1/2018 pg. 8

[FOTO SHARUL HAFIZ ZAM/BH]

Sik: Usaha menuntut keadilan bagi mangsa tragedi berdarah Memali melalui penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) akan terencat jika Tun Dr Mahathir Mohamad, kembali sebagai Perdana Menteri.

Timbalan Pesuruhjaya PAS Kedah, Muhammad Sanusi Md Nor, berkata pihaknya percaya peluang untuk menggagalkan penubuhan RCI itu akan lebih luas sekiranya Dr Mahathir kembali mentadbir negara, sama seperti era pentadbiran beliau sebelum ini.

Ruang tutup kesilapan

Malah, beliau berkata kedudukan sebagai Perdana Menteri akan memberi ruang kepada Dr Mahathir untuk menutup kesilapan dan keterlanjuran dalam tragedi Memali, supaya ia tidak terdedah sehingga menjejaskan kredibilitinya.

"Sekiranya pakatan pembangkang menjadi kerajaan dan Dr Mahathir jadi Perdana Menteri, pasti akan berlaku campur tangan bagi memastikan diri beliau bersih daripada darah yang me-

ngalir di bumi Memali.

"Jika itu sahaja pilihan yang ada, sudah pasti Dr Mahathir akan menggunakan pelbagai kaedah untuk menutup semua bukti dan sudah pastinya kejadian seperti Ops Lalang akan berulang, tetapi dengan kaedah baharu yang lebih tersusun dan bahaya.

"Sebenarnya penubuhan RCI perlu dilakukan sejak 1986, tetapi ia tidak diendahkan, maka cadangan mengadakan RCI selepas PRU-14 adalah bagi melindungi individu yang terbabit," katanya kepada BH.

18 terkorban

Tragedi Memali mengorbankan 18 nyawa membabitkan 14 orang awam serta empat anggota polis, manakala berpuluh yang lain cedera dengan kebanyakannya penyokong PAS.

Kebanyakan yang terkorban ditembak ketika melindungi guru agama yang juga pemimpin PAS, Ibrahim Mahmud atau lebih dikenali Ibrahim Libya, yang turut terkorban dalam tragedi itu.

Muhammad Sanusi yang juga

Pengerusi Jawatankuasa Khas Tragedi Memali Kedah berkata, pihaknya sentiasa istiqamah bahawa RCI perlu segera dilakukan bagi membersihkan nama semua pihak terbabit, terutama mangsa dan anggota polis yang terkorban dalam tragedi itu.

Katanya, dalam insiden berdarah itu polis terpaksa berkorban atas kesilapan orang lain, manakala mangsa serta keluarga dipalit tuduhan sebagai pengganas dan sesat.

"Seperti mana kerajaan simpati dengan nyawa empat polis yang terkorban, maka perasaan sama perlu diberi kepada 14 mangsa dan keluarga.

"Saya yakin apabila RCI dilakukan dengan telus tanpa campur tangan, kebenaran akan terdedah dan individu yang bersalah akan diketahui," katanya.

Muhammad Sanusi berkata, pihaknya yakin ramai yang mempertikaikan kertas putih berhubung kejadian itu yang dilakukan tanpa ada ketelusan dan direka demi menutupi kesalahan individu tertentu.



Muhammad Sanusi menunjukkan kertas putih (kertas perintah 21 tahun 1986) tragedi Memali ketika ditemui di Sik.